

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING [BANGI]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DR. ONG KIAN MING [BANGI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tarikh RUU Langkah-langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit KORONAVIRUS 2019 (COVID-19) 2020 diwartakan dan juga tarikh berkuatkuasa. Mengapa pewartaan RUU ini mengambil masa yang begitu panjang?

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Rang Undang-Undang Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 16 Oktober 2020 selaras dengan Perkara 66 Perlembagaan Persekutuan.

2. Seterusnya Rang Undang-Undang ini telah diwartakan pada 23 Oktober 2020 sebagai Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 [Akta 829]. Akta ini akan berkuat kuasa selama 2 tahun dari tarikh pewartaan pada 23 Oktober 2020 atau sebagaimana tarikh permulaan kuat kuasa yang telah diperuntukkan di mana-mana Bahagian-Bahagian berkaitan dalam Akta ini. Sekian, terima kasih.